



## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### KENYATAAN MEDIA

#### KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA AKAN MEMPERLUASKAN KEMPEN DAFTAR VAKSIN COVID-19 KEPADA KOMUNITI KAWASAN RUKUN TETANGGA DAN BADAN PENGURUSAN RUMAH IBADAT SELAIN DARI ISLAM BAGI MENINGKATKAN JUMLAH PENDAFTARAN OLEH RAKYAT MALAYSIA

---

Putrajaya, 25 April 2021 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah memperluaskan lagi Kempen Daftar Vaksin kepada komuniti Kawasan Rukun Tetangga sepanjang tempoh bulan Ramadhan ini bagi membantu pendaftaran penerimaan vaksin COVID-19 oleh rakyat Malaysia. Langkah ini diambil selaras dengan keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 Bil. 22 Tahun 2021 pada 16 April 2021 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

2. KPN pada 19 Mac 2021 telah melancarkan **Kempen Komuniti Rukun Tetangga - Vaksin Untuk Semua** dengan mensasarkan pendaftaran 250,000 Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT) seluruh negara sebagai penerima vaksin COVID-19. Sehingga kini, seramai 113,261 ahli Jawatankuasa KRT telah pun mendaftar.

3. Selain itu, KPN turut bekerjasama dengan Badan Pengurusan Agama Selain Islam supaya bersama-sama meningkatkan kesedaran berhubung kepentingan pengambilan vaksin COVID-19 dan menggalakkan mereka membuka kaunter pendaftaran di kawasan rumah ibadat masing-masing bagi membantu pendaftaran penganut-penganut mereka.

4. Menurut YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara KRT dan Badan Pengurusan Rumah Ibadat Selain Islam adalah jentera yang dapat membantu Kerajaan menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih mengenai pengambilan vaksin COVID-19 kepada komuniti dan penganut di peringkat akar umbi. Menurut beliau lagi, penyebaran maklumat yang sahih dan tepat mengenai program

vaksin COVID-19 ini akan dapat membantu menambah keyakinan dan seterusnya menaikkan jumlah pendaftaran yang disasarkan bagi mencapai imuniti kelompok bagi rakyat Malaysia.

5. Beliau turut menasihatkan semua rakyat untuk mendaftar program imunisasi bagi mendapatkan vaksin dalam usaha memutuskan penularan jangkitan COVID-19. Pendaftaran boleh dilakukan melalui aplikasi MySejahtera atau laman web [www.vaksinovid.gov.my](http://www.vaksinovid.gov.my).

## **Kementerian Perpaduan Negara**

25 April 2021

**-TAMAT-**

### ***Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:***

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

### **Pertanyaan media:**

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569

E-mail: [pro@perpaduan.gov.my](mailto:pro@perpaduan.gov.my)

No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (65)